



SHAHRUL Nasrun Kamarudin (depan, tiga kiri) bersama sebahagian ahli Gerakan Bella Gagasan 1Malaysia semasa bantahan di Bukit Damansara, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA



JAMAL Md. Yunus (dua dari kanan) membacakan memorandum kepada sekumpulan penyokong Ambiga di hadapan rumah beliau di Bukit Damansara, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD. NAIM AZIZ

Memorandum desak Ambiga minta maaf berjaya diserahkan

# 'Pasar malam protes' dibatalkan

Oleh **TERMIZI CHE ANUAR**  
dan **NUR NAZLINA NADZARI**  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 24 Mei - Pasar malam yang dirancang diadakan di hadapan rumah Pengerusi Bersih 3.0, Datuk S. Ambiga di Jalan Setiakasih 1, Damansara di sini hari ini, dibatalkan atas arahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Kira-kira 500 orang termasuk 60 peniaga yang sepatutnya berdagang di pasar malam anjuran Majlis Ber-

tindak Peniaga-Peniaga dan Penduduk Warga Kota itu mula berkumpul di kawasan tersebut sejak pukul 4 petang.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati kumpulan peniaga itu bagaimanapun gagal memasuki kawasan berkenaan yang dikawal polis dan penguat kuasa DBKL sebelum bersetuju untuk bersurai pada pukul 5.30 petang.

Selain kumpulan peniaga itu, perhimpunan tersebut turut disertai seramai 200 ahli Gerakan Belia

Gagasan 1Malaysia yang diketuai Presidennya, Shahrul Nasrun Kamarudin.

Walaupun rancangan mengadakan pasar malam itu gagal, kedua-dua kumpulan tersebut berjaya menyerahkan memorandum mendesak Ambiga meminta maaf kerana menganjurkan perhimpunan haram Bersih 3.0 pada 28 April lalu.

Memorandum itu diterima Pengerusi Bersama Bersih 3.0, Datuk A. Samad Said yang mewakili Ambiga.

Semasa memorandum itu diserahkan, Pengerusi Majlis Bertindak Peniaga-Peniaga dan Penduduk Warga Kota, Datuk Jamal Md. Yunus turut memberi beberapa helai kemeja T Bersih 4.0 dan menjemput pemimpin Bersih hadir ke perhimpunan 'Bersih 4.0 Cintakan Keamanan' yang akan diadakan pada 23 Jun ini di Bukit Jalil.

Sementara itu, Jamal berkata, pihaknya bersetuju membatalkan rancangan membuka 'pasar malam protes' itu setelah berbincang de-

ngan DBKL dan mengambil kira pelbagai aspek.

Katanya, niat Bersih 4.0 mengadakan pasar malam itu juga bagi menunjukkan mereka cintakan keamanan dan bukannya mahu menimbulkan kekecohan.

Dalam pada itu, tambah beliau, pihaknya menyasarkan perhimpunan Bersih 4.0 nanti akan disertai lebih 150,000 rakyat Malaysia yang cintakan keamanan.

"Pada hari itu juga kami akan mengumumkan pemenang cabutan

bertuah sebuah kereta Lamborghini Gallardo dan BMW 530," ujarnya.

Dalam pada itu, Shahrul Nasrun berkata, sekiranya Ambiga enggan memohon maaf kerana menganjurkan perhimpunan haram Bersih sebelum ini, beliau wajar dihalaui daripada terus tinggal di negara ini.

"Kami belia Malaysia yang cintakan keamanan mahu Ambiga bertanggungjawab atas segala keganasan yang berlaku ekoran penganjuran perhimpunan haram Bersih itu," katanya.



PENJAJA bermotosikal beredar selepas rancangan mengadakan pasar malam di hadapan rumah Ambiga dibatalkan di Bukit Damansara, Kuala Lumpur, semalam.